



## GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OPTOMETRI SWASTA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN.



### A) Premis

- i. Mempunyai pengamal optometri yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia (MOC) dan memperbaharui Perakuan Pengamalan Tahunan bagi tahun 2020.
- ii. Mempunyai protokol dan kelengkapan alat saringan suhu badan (*thermal scanners*), *hand sanitizer* dan borang saringan simptom dan risiko COVID-19 (Lampiran I).
- iii. Tidak berkonsep terbuka dan mesti mempunyai pintu kaca yang boleh dikunci dari dalam.
- iv. Perkhidmatan berdasarkan temujanji dan bukan rutin serta mengikut tempoh waktu operasi seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- v. Pintu kaca hendaklah dikunci sepanjang masa bagi mengelakkan sebarang orang yang tiada tujuan dan tidak mempunyai temujanji dari memasuki premis.
- vi. Hanya orang yang lulus saringan (Lampiran I) dan tiada kontak dengan pesakit COVID-19 atau PUI sahaja dibenarkan membuat temujanji dan masuk ke dalam premis pada waktu yang telah ditetapkan oleh pengamal optometri.

### B) Perkhidmatan optometri yang dibenarkan

- i. Membaiki cermin mata yang rosak, hilang atau pecah.
- ii. Pesakit memerlukan cermin mata untuk kegunaan harian.
- iii. Pesakit mempunyai masalah dengan kanta lekap dan memerlukan pemeriksaan mata segera atau mendapatkan bekalan kanta lekap.

### **C) Panduan Perlindungan Bagi Pekerja Dan Pengamal Optometri Berdaftar**

- i. Syarikat hendaklah menjalankan saringan suhu kepada setiap pekerja semasa datang bekerja dan sebelum balik ke rumah dan menyimpan rekod bacaan suhu tersebut.
- ii. Majikan/pengurus syarikat hendaklah mengambil tindakan segera sekiranya ada pekerja yang menunjukkan simptom-simptom tidak sihat.
- iii. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19 semasa menjalankan tugas, syarikat hendaklah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses sanitasi dan lain-lain kos yang berkaitan.
- iv. Semua pengamal optometri berdaftar dan pekerja hendaklah memakai topeng/penghadang muka (*mask/face shield*), sarung tangan (*disposable gloves*) dan digalakkan menggunakan kelengkapan pelindung diri iaitu *Personal Protective Equipment (PPE)* jika perlu.

### **D) Panduan Perlindungan Bagi Pesakit**

- i. Syarikat hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik penjarakkan sosial di antara pelanggan disediakan seperti tanda jarak **1 meter** di lantai, meja dan kerusi.
- ii. Menjalankan saringan suhu, menyediakan *hand sanitizer* dan borang saringan simptom ke atas orang yang datang ke premis. Tidak membuat sebarang urusan niaga ke atas mereka yang menunjukkan simptom tidak sihat. Suhu melebihi 37.5 ° C menunjukkan pesakit mempunyai demam.
- iii. Tidak menerima temujanji kepada orang yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau ada kontak dengan pesakit COVID-19 dalam masa 14 hari.
- iv. Menghadkan urusan dengan hanya orang yang memerlukan perkhidmatan sahaja kecuali waris (seorang) bagi kanak-kanak/warga tua.
- v. Menjalankan sanitasi ke atas peralatan optometri setiap kali selepas dan sebelum digunakan.

#### **E) Prosedur Tempat Kerja (Premis)**

- i. Syarikat hendaklah menjalankan proses disinfeksi di premis masing-masing sebelum dan selepas operasi harian mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer / disinfecting kits* di pintu masuk, di dalam bilik pemeriksaan mata dan tempat-tempat lain yang berkaitan, serta mewajibkan pemakaian topeng muka oleh setiap pekerja dan pesakit.
- iii. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat wajib melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berkaitan dan premis hendaklah **DITUTUP SERTA MERTA** bagi proses disinfeksi.

#### **F) Lain-lain**

- i. Majikan membuat akujanji untuk patuh kepada garis panduan ini dan bersetuju untuk dikenakan tindakan jika gagal mematuhi garis panduan ini dan sebarang peraturan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. **AKUJANJI** hendaklah **DITAMPAL DI PINTU MASUK PREMIS**.